
PEKELILING AM BIL. 6 TAHUN 2022

**HARI BEKERJA RASMI BAGI PETUGAS
ISTIADAT KONVOKESYEN KE-20 :
MAJLIS PENYAMPAIAN SKROL GRADUAN 2020
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

Sukacita dimaklumkan bahawa, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia akan mengadakan Majlis Penyampaian Skrol Graduan 2020 Sempena Istiadat Konvokesyen Ke-20 pada **19 hingga 27 Februari 2022** bertempat di **Dewan Sultan Ibrahim**.

2. Bagi memastikan kelancaran dan kemeriahan Majlis Penyampaian Skrol Graduan 2020 ini, pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju memutuskan bahawa pada **19, 25 dan 26 Februari 2022** adalah merupakan **HARI BEKERJA RASMI** untuk petugas-petugas yang terlibat dengan majlis tersebut.

3. Atas pelaksanaan peraturan ini, pihak Universiti juga bersetuju bahawa petugas Majlis Penyampaian Skrol Graduan 2020, dibenarkan untuk membuat permohonan cuti gantian, tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- 3.1 Kehadiran bekerja perlu direkodkan di mesin pengimbas kehadiran sewaktu hadir bekerja dan sewaktu pulang bekerja.
- 3.2 Pematuhan kepada Pekeliling Pengurusan Bil.31/2010 bertarikh 3 Mei 2010 (Pelaksanaan Dasar Cuti Gantian).
- 3.3 Kelulusan bagi cuti gantian ini adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua PTj masing-masing.

4. Bagi staf UTHM Kampus Cawangan Pagoh yang terlibat dengan tugas Majlis Penyampaian Skrol Graduan 2020, staf perlu mengisi permohonan pergerakan melalui TCIS sepanjang tempoh bertugas di UTHM Kampus Parit Raja.

Sekian untuk makluman dan perhatian YBhg. Prof. Datuk / YBhg. Prof. / Tuan / Puan.

Terima kasih.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

Yang benar,



ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN

Pendaftar

☎ 07-4537100